

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [ SANDAKAN ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasrat Kementerian bagi membantu ekonomi Sandakan dengan status kerja pengurukan di laluan masuk had pelabuhan Sandakan, di mana kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) telah dilakukan pada tahun 2011.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) telah mendapatkan pengesahan daripada pihak Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) bahawa lokasi yang memerlukan penggerukan adalah laluan masuk (*approach channel*) yang terletak di luar had Pelabuhan Sandakan, dan setakat ini kerja penggerukan belum lagi dilaksanakan.
2. Untuk makluman, punca perundangan untuk mentadbir urus sektor pelabuhan di Sabah adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah. Namun demikian MOT amat prihatin dengan aspek keselamatan pelayaran dan sedia maklum tentang impak ekonomi pelaksanaan kerja penggerukan di laluan masuk tersebut terhadap pembangunan Sandakan, khususnya industri-industri yang berkaitan seperti kelapa sawit – sepetimana yang dinyatakan dalam “Kajian Cadangan Kerja-Kerja Penggerukan di Laluan Masuk ke Had Pelabuhan Sandakan” yang telah dilaksanakan oleh pihak JPDS.
3. Dalam hal ini, MOT melalui Jabatan Laut Malaysia (JLM) akan menyusuli dengan pihak JPDS tentang keperluan-keperluan teknikal dan perancangan pelaksanaan kerja-kerja penggerukan di laluan masuk tersebut.

Sekian, terima kasih.